*LAMPIRAN 1*

# UNIVERSITI MALAYA

Saya Mohd Mazli bin Hj Mohd Aini pelajar Sarjana Jabatan Siasah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya ingin memohon kerjasama warga tentera untuk menjawab soalan-soalan sebagaimana yang tertera di bawah. Jawapan yang diberikan terhadap kajiselidik ini akan membantu saya mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan kajian saya yang bertajuk **"Pentadbiran Organisasi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT ) : Analisis Pencapaiannya Terhadap Pembangunan Akhlak Tentera Malaysia.**

---

## BAHAGIAN A (Maklumat Peribadi)

1. Umur saya sekitar:

    a) Dua Puluhan.
    b) Tiga Puluhan.
    c) Empat Puluhan.

2. Saya telah berkhidmat dalam tentera selama:

    a) Lebih lima tahun.
    c) Lebih sepuluh tahun.
    d) Lebih limabelas tahun.

3. Pasukan saya bernaung di bawah pentadbiran:

    a) 2 Div.
    b) 3 Div.
    c) 4 Div.

4. Saya dilahirkan dalam keadaan keluarga yang kuat berpegang pada agama:

    a) Kuat.
    b) Kurang kuat.
    c) Tidak kuat.

5. Saya sering mengikut program agama di pasukan walaupun tidak diarahkan:

    a) Tanpa arahan.
    b) Dengan arahan.

6. Saya merupakan seorang manusia yang mempunyai masalah akhlak sebelum memasuki tentera dan saya dapat membentuk akhlak saya menjadi baik setelah memasuki tentera:

a) Berakhlak.
b) Kurang Berakhlak.
c) Tidak Berakhlak.

**BAHAGIAN B (Pandangan Peribadi Terhadap Kagat)**

7. Penubuhan KAGAT merupakan satu keperluan kepada perkhidmatan ATM:

a) Perlu.
b) Kurang perlu.
c) Tidak perlu.

8. KAGAT ditubuhkan bermatlamatkan membentuk akhlak warga tentera:

a) Mengetahui.
b) Kurang Mengetahui.
c) Tidak mengetahui.

9. KAGAT telah berjaya dalam mengejar matlamat penubuhannya:

a) Berjaya.
b) Kurang berjaya.
c) Tidak berjaya.

10. Mengikut perkiraan saya KAGAT telah berjaya dalam banyak percubaannya menghapuskan gejala-gejala negatif dalam kehidupan warga tentera:

a) Berjaya.
b) Kurang berjaya.
c) Tidak berjaya.

11. Saya telah mengalami banyak perubahan dalam kehidupan disebabkan peranan dan usaha yang telah dimainkan oleh KAGAT dalam usaha membentuk akhlak dengan Allah terhadap warga tentera:

a) Berubah.
b) Kurang berubah.
c) Tidak berubah.

12. Pengharaman arak dalam kem-kem tentera, kebenaran memakai tudung bagi pranita dan terhapusnya upacara menepung tawar dalam ATM adalah merupakan sebahagian daripada kejayaan KAGAT dalam perjuangannya:

a) Setuju.
b) Kurang setuju. c) Tidak setuju.

13. Sokongan perlu diberikan kepada KAGAT agar usaha-usaha murni membentuk akhlak mulia warga tentera mencapai matlamatnya:

a) Sokong.
b) Kurang Menyokong.
c) Tidak Menyokong.

14. Saya merupakan warga tentera yang menjaga akhlak dengan Allah disebabkan terkesan dengan ajaran dan didikan yang telah diberikan oleh KAGAT:

a) Berkesan.
b) Kurang berkesan.
c) Tidak berkesan.

15. Berlakunya gejala negatif dalam diri warga tentera bukanlah disebabkan KAGAT tidak melaksanakan tanggungjawabnya, sebaliknya individu tersebut belum bersedia untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan:

a) Setuju
b) Kurang setuju
c) Tidak setuju

**BAHAGIAN C (Akhlak Responden Terhadap Allah (s.w.t.)**

16. Saya merupakan seorang warga tentera yang sudah berkahwin kerana dengan perkahwinan akan menghindarkan diri saya daripada terjebak dengan perzinaan:

a) Berkahwin.
b) Bujang.

17. Saya seorang yang sentiasa menjaga solat lima waktu kerana terkesan dengan peringatan yang diberikan oleh KAGAT di Pasukan:

a) Dilaksanakan.
b) Kurang dilaksanakan.
c) Tidak dilaksanakan.

18. Saya sentiasa menunaikan solat secara berjamaah kerana ianya merupakan ajaran yang sering ditekankan oleh KAGAT di Pasukan:

a) Dilaksanakan.
b) Kurang dilaksanakan.
c) Tidak dilaksanakan.

19. Saya merupakan anggota tentera yang mampu membaca al-Qurān dengan baik hasil daripada usaha yang telah dibuat oleh KAGAT di Pasukan:

a) Boleh membaca.
b) Kurang boleh.
c) Tidak boleh.

20. Saya sentiasa menjaga aurat pada sebilang masa kerana anggota KAGAT di pasukan sering mengingatkan anggota akan kepentingan menjaga aurat:

a) Menjaga aurat.
b) Kurang menjaga aurat.
c) Tidak menjaga aurat.

21. Saya sentiasa memastikan Puasa Ramadhan yang ditunaikan cukup 30 hari kerana terkesan dengan ceramah ustaz KAGAT di Pasukan:

a) Berpuasa penuh.
b) Tidak berpuasa penuh.
c) Tidak berpuasa langsung.

22. Saya sentiasa memastikan isteri dan anak-anak saya menunaikan solat pada setiap waktu solat kerana inilah yang diajar oleh ustaz KAGAT di pasukan.

a) Perihatin.
b) Kurang perihatin.
c) Tidak perihatin.

23. Saya akan memastikan anak-anak saya tahu solat dan membaca al-Qurān apabila mereka mula memasuki alam persekolahan kerana ianya merupakan asas kepada pembentukan akhlak Islam dalam sesebuah keluarga.

a) Perihatin.
b) Kurang perihatin.
c) Tidak perihatin.

24. Saya sentiasa memastikan isteri saya menutup aurat apabila keluar rumah kerana ianya merupakan sebahagian daripada akhlak dengan Allah sebagaimana yang telah diperingatkan oleh ustaz KAGAT di Pasukan.

a) Perihatin.
b) Kurang perihatin.
c) Terserah kepada isteri.

***TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN***

# LAMPIRAN 2

KEMBARAN "A"
PMAT BIL. 9 TAHUN 1991

**PERUNTUKAN MASA UNTUK PELAKSANAAN DASAR PEMBINAAN KEROHANIAN ISLAM**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Aktiviti tetap malam Jumaat | 1 jam × 52 minggu | = | 52 jam |
| 2. | Khutbah Jumaat | 1 jam × 52 minggu | = | 52 jam |
| 3. | Khutbah Dua Hari Raya dan Takbir | 2 jam × 2 hari | = | 4 jam |
| 4. | Ceramah hari kebesaran Islam | 2 jam × 9 hari | = | 18 jam |
| 5. | Khatam Al-Quran | 2 jam × 1 hari | = | 2 jam |
| 6. | Sembahyang berjemaah | 1 jam × 365 hari | = | 365 jam |
| 7. | Khemah ibadat | 3 jam × 2 hari | = | 6 jam |
| 8. | Qiamullail | 12 jam × 1 kali | = | 12 jam |
| 9. | Tarawikh bulan Ramadhan | 1 jam × 30 kali | = | 30 jam |
| 10. | *Tahlil Harijadi* | | | |
| | a. Harijadi ATM | 2 jam × 2 kali | = | 4 jam |
| | b. Harijadi pasukan | | | |
| 11. | Kelas-kelas pengajian di surau/masjid selepas Maghrib | 3 jam × 52 minggu | = | 156 jam |
| 12. | Kelas pengajian tambahan (formal—diatur oleh pasukan) | 2 jam × 52 minggu | = | 104 jam |
| 13. | Bacaan risalah-risalah agama | 1 jam × 52 minggu | = | 52 jam |
| | | JUMLAH BESAR .. | = | 857 jam |

## LAMPIRAN 3

5/2001 PENGISYTIHARAN DAN PENGUATKUASAAN KAWASAN LARANGAN ATM

AM

1. Jawatankuasa Panglima-Panglima (JPP) melalui mesyuarat JPP ke 334 pada 29 Jan 2001 telah mengambil keputusan bahawa "semua kawasan larangan yang dikenal pasti oleh Perkhidmatan diseragamkan dan Cawangan Provos Marsyal ATM (CPM ATM) dilantik sebagai Badan Kordinasi Kawasan Larangan ATM".

2. Sehubungan dengan itu CPM ATM telah menyelaras dan menyenaraikan semua kawasan larangan yang dikuatkuasakan oleh setiap Perkhidmatan. Senarai yang telah disusun itu adalah di Kembaran A dan ianya adalah berdasarkan kepada input-input yang diperolehi daripada Provos Marsyal ketiga-tiga Perkhidmatan melalui beberapa mesyuarat kordinasi yang telah diadakan pada tahun 1999 dan 2000.

TUJUAN

3. Tujuan arahan ini adalah untuk menjelaskan pengisytiharan kawasan larangan ATM yang mesti dipatuhi oleh setiap peringkat di dalam Tentera Darat.

# ILMI pusat pembangunan rohani ATM

**Apa yang pasti jika seseorang itu sihat rohaninya akan memiliki kemampuan beramal yang tinggi, ghairah bekerja dan bersemangat untuk maju dalam semua bidang yang diceburi**

Oleh AZRAN FITRI ABDUL RAHIM
Gambar BAIZURA HARUN

Perkataan rohani dalam bahasa Malaysia sering dikaitkan dengan hati, kalbu, jiwa, fikiran dan sebagainya yang mewujudkan peribadi manusia yang paling unik dan tidak dapat dilihat oleh pancaindera.

Tetapi melalui rohani manusia dapat merasai apakah ertinya rindu, kasih, mengingati, sedih dan gembira.

Justeru itu pembentukan rohani yang sempurna perlu bagi mewujudkan mental dan fizikal yang sihat lagi kukuh.

Pengisian rohani perlu dijalankan dengan sempurna agar ia tidak dijangkiti dengan wabak penyakit yang merosakkan manusia.

Menyedari hakikat ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mewujudkan sebuah pusat latihan bagi memberi bimbingan kepada setiap anggotanya ke arah pembangunan spiritual kepada anggota-anggota tentera terutama kepada yang beragama Islam.

Pelbagai kursus dan seminar telah dirancang untuk memantapkan peribadi setiap anggotanya.

Komandan ILMI, Leftenan Kolonel Nawawi Daud berkata, perkara paling asas untuk membentuk seorang anggota tentera yang kental dari segi mental dan fizikal adalah berpunca daripada hati atau rohani.

"Jika hati mulia dan mengikut ajaran agama tidak kira apakah fahaman atau anutannya pasti mereka akan menjadi seorang anggota yang akan mengorbankan segala-galanya demi agama, bangsa dan negara," katanya ketika ditemui *Gaya Tentera* di ILMI, Port Dickson baru-baru ini.

Sepanjang pusat latihan itu dibuka seramai 155 anggota telah mengikuti kursus yang telah diatur sehingga hari ini.

ILMI telah merancang pelbagai kursus bukan hanya untuk anggota tetapi kepada



NAWAWI DAUD



SEBUAH surau yang tersergam indah di Institut Latihan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia (ILMI), Port Dickson.



rohani perlu dijaga dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan ia dari dijangkiti penyakit hati yang melumpuhkan seseorang manusia itu.

Orang yang menghidap penyakit rohani akan nampak kemunduran dalam kemampuan bekerja, hilang ghairah dan semangat mereka untuk maju. Yang menonjol hanyalah kelemahan dan kemalasan.

Perkara seperti itu perlu dielakkan di dalam sesebuah agensi terutama agensi keselamatan seperti ATM.

Apa yang pasti jika seseorang itu sihat rohaninya akan memiliki kemampuan beramal yang tinggi, ghairah bekerja dan bersemangat

# Seri Paduka mahu ATM tinggalkan tradisi penjajah

KANGAR 10 Jan. — Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mahu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meninggalkan segala bentuk tradisi dan istiadat yang diamalkan dalam pasukan itu yang dianggap tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Seri Paduka bertitah, masih terdapat tradisi atau istiadat peninggalan penjajah yang diamalkan dalam ATM yang dianggap tidak sesuai dengan ajaran Islam.

"Dalam tentera terdapat banyak tradisi yang ditinggalkan oleh penjajah British yang dianggap tidak selari dengan ajaran Islam dan ATM perlu mengkaji semula tradisi-tradisi ini," titah baginda.

Seri Paduka bertitah demikian pada majlis santapan rejimental bagi meraikan baginda sebagai bekas Komander Rejimen 504 Askar Wataniah di sini malam ini.

Turut berangkat pada majlis tersebut ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Khalil Akasah.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin.

## Ajaran

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, meskipun ada tradisi dan istiadat peninggalan British yang bercanggah dengan ajaran Islam namun terdapat amalan yang masih boleh diikuti untuk kebaikan anggota tentera.

Misalnya, tegas baginda, amalan bekerja sebagai satu pasukan dan semangat juang dan jatidiri yang tinggi perlu menjadi amalan kepada setiap anggota tentera.

"Terdapat sesetengah tradisi yang ditinggalkan oleh penjajah yang tidak boleh ditolak sama sekali," titahnya.

Dalam pada itu, Seri Paduka meminta para pegawai atasan dalam ATM membentuk pemikiran pegawai-pegawai supaya lebih berinovatif yang sesuai dengan era globalisasi ini.

Tegas baginda, segala arahan yang dikeluarkan kepada para pegawai muda perlu mempunyai sifat-sifat membina kematangan fikiran.

"Kita tidak mahu pegawai-pegawai muda ini mematuhi arahan kerana takut semata-mata tanpa mampu membina pemikiran supaya menjadi lebih berinovatif," titah baginda.



